

FATWA KESEMBILAN BELAS

HUKUM WANITA DAN ORANG BUKAN ISLAM SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-50 pada 10 Mei 2001 di Perlis telah Membincangkan Hukum Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

LATAR BELAKANG

Persoalan berkaitan hukum wanita dan orang bukan Islam sebagai amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri telah dikemukakan oleh LHDN berikutan cadangan untuk melantik LHDN sebagai amil bagi memungut zakat gaji dan pendapatan. Sebelum pelaksanaan pelantikan tersebut, LHDN memerlukan keputusan tentang hukum wanita dan orang bukan Islam dilantik sebagai amil. Ini kerana LHDN mempunyai pegawai wanita dan pegawai bukan Islam yang akan melaksanakan tugas-tugas tersebut.

HUJAH DAN DALIL

Amil ialah mereka yang dilantik untuk melaksanakan segala fungsi urusan zakat yang meliputi tugas memungut, menyimpan, mengagih dan mentadbir

wang zakat. Ia terdiri daripada pemungut, kerani, jurukira, pengagih, pentadbir, penjaga stor dan jawatan lain yang berkaitan.⁸⁵

Menurut kitab *'Iinah al-Thalibin*, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, memahami hukum fikah, mukallaf, merdeka, adil, mendengar, melihat, lelaki dan amanah.⁸⁶ Menurut Yusuf al-Qaradhawi, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, mukallaf, jujur, memahami hukum zakat, mampu melaksanakan tugas, adil, merdeka, bukan keturunan Nabi SAW, dan lelaki.⁸⁷

Ibn Qudamah menyatakan bahawa setiap pekerjaan yang memerlukan syarat amanah (kejujuran) hendaklah disyaratkan Islam. Oleh itu urusan orang Islam tidak boleh diserahkan kepada orang kafir. Orang yang bukan Islam tidak boleh diserahkan urusan zakat kerana mereka tidak boleh dipercayai.⁸⁸ Menurut Mazhab Maliki, amil tidak boleh dilantik dari kalangan orang kafir, fasiq dan orang jahil.

Mengenai wanita sebagai amil zakat, tidak ada dalil khusus yang melarang wanita bekerja sebagai amil zakat. Walau bagaimanapun ada kaedah umum yang menyarankan supaya wanita bersikap malu dan menjauhkan diri dari berkerumun dan bergaul dengan lelaki tanpa ada kepentingan. Oleh itu pekerjaan sebagai amil zakat lebih baik dilakukan oleh lelaki, kecuali dalam hal-hal tertentu seperti wanita ditugaskan memberikan bantuan wang zakat kepada janda atau wanita yang lemah iaitu pekerjaan yang lebih sesuai dilakukan oleh wanita daripada lelaki.

Daripada hujah-hujah tersebut, dapat dirumuskan bahawa zakat adalah berkaitan dengan urusan agama, maka orang bukan Islam tidak boleh dilantik sebagai amil zakat. Adapun bagi wanita Islam mereka dibolehkan untuk menjadi amil zakat, namun demikian golongan lelaki adalah lebih diutamakan dalam perkara ini.

85 Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld.2 hlm.579.

86 Syed al-Bakri Mohamad Syatha al-Dimyati, *Iinah al-thalibin*, jld. 2, hlm.190. 87

Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-zakah*, jld. 2, hlm. 586-589.

88 Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jld. 6, hlm. 424-425.